

# 2,000 berniaga tanpa lesen di Kuantan

BERITA HARIAN 2/3/2017



Fadzilla Salleh

➔ MPK kesan 3,000 individu tak perbaharui lesen perniagaan

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

**D**ianggarkan 2,000 peniaga seluruh daerah ini, berniaga tanpa lesen yang dikeluarkan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK).

Selain itu, ada kira-kira 3,000 peniaga lagi yang dikesan masih gagal memperbaharui lesen perniagaan masing-masing.

Yang Dipertua MPK, Datuk Fadzilla Salleh, berkata pihaknya akan melaksanakan program pemutihan bagi memastikan tiada peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen.

“Saya minta peniaga yang tiada lesen ini segera mendaftar perniagaan masing-masing dengan MPK supaya mereka tidak dikenakan tindakan undang-undang.

“Di seluruh daerah, ada kira-

kira 16,000 peniaga yang berdaftar dengan MPK tetapi masa sama 3,000 peniaga yang sudah berdaftar dengan MPK belum memperbaharui lesen bagi tahun ini.

## Kena kompaun RM250

“Justeru bagi peniaga yang tidak membuat pembayaran atau memperbaharui lesen sehingga 1 Februari lalu boleh dikenakan kompaun sebanyak RM250 atau penalti 10 peratus daripada kadar lesen,” katanya.

Fadzilla berkata, penguatkuasaan akan diambil kepada pelesen yang masih ingkar melaksanakan kewajipan seperti ditetapkan mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (1882) Pindaan 2011.

“Bil-bil lesen boleh diperolehi di kaunter Jabatan Kawalan Perniagaan dan Perlesenan MPK pada waktu pejabat mulai jam 8 pagi hingga 5 petang,” katanya.

Fakta nombor

RM250  
KOMPAUN

atau penalti 10 peratus kepada peniaga yang gagal perbaharui lesen sehingga 1 Februari lalu